

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Sunpepcin Tablet
2. Bagaimana Sunpepcin Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Sunpepcin Tablet
4. Cara mengambil Sunpepcin Tablet
5. Semasa mengambil Sunpepcin Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Sunpepcin Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah Kegunaan Sunpepcin Tablet

- Rawatan ulser duodenum aktif.
- Rawatan ulser gastrik aktif benigna
- Terapi kawalan untuk ulser duodenum.
- Rawatan jangka pendek untuk melegakan simptom penyakit refluks gastroesofageal yang disebabkan oleh pengaliran balik asid perut ke dalam esofagus
- Rawatan *Pathological Hypersecretory* keadaan di mana badan menghasilkan asid perut yang berlebihan. Contohnya *Zollinger-Ellison syndrome* (tumor di pankreas menyebabkan pengeluaran asid gastrik berlebihan) dan *Multiple Endocrine Adenomas* (tumor pada kelenjar endokrin).

## Bagaimana Sunpepcin Tablet Berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Famotidine. Ia adalah penyekat kompetitif *reseptor H2 histamin*. Famotidine tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai perencat atau penghalang H2. Ia berfungsi dengan mengurangkan jumlah asid yang dihasilkan oleh perut. Ini membantu untuk mengurangkan kesakitan dan juga membolehkan ulser dan / atau penyakit refluks untuk sembuh

## Sebelum Menggunakan Sunpepcin Tablet

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda pernah mempunyai hipersensitiviti kepada mana-mana bahan produk ini atau ubat yang serupa.

### - Sebelum menggunakan Sunpepcin Tablet

Anda perlu menyemak dengan doktor anda:

- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang.
- Jika anda hamil atau menyusui. Famotidine tidak boleh digunakan semasa hamil melainkan potensi manfaat melebihi potensi risiko kepada janin. Famotidine boleh dikesan dalam susu manusia. Oleh itu, keputusan perlu dibuat sama ada untuk meneruskan penyusuan atau menghentikan ubat.
- Doktor kemungkinan akan mengaturkan ujian tambahan untuk membuat diagnosis kanser perut sebelum memulakan Sunpepcin tablet kerana famotidine boleh melambatkan diagnosis tersebut

### - Jika mengambil ubat- ubat lain

Sesetengah ubat dan Sunpepcin tablet boleh berinteraksi antara satu sama lain. Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil sebarang ubat-ubatan yang disenaraikan di bawah:

- Ubat yang melegakan pedih ulu hati seperti antasid
- Ubat yang digunakan untuk merawat gout seperti probenecid

## Cara menggunakan Sunpepcin Tablet

### - Berapa banyak harus digunakan

Bagi orang dewasa 18 tahun dan ke atas  
Ulser gastrik dan duodenum : Dos yang disyorkan adalah 40mg setiap hari sebelum tidur selama 4-8 minggu. Regimen 20mg dua kali sehari juga berkesan.

Terapi kawalan: 20mg setiap hari sebelum tidur boleh diberikan untuk mencegah berulangnya ulser duodenum.

Penyakit Refluks Gastroesofageal (GERD): Dos yang disyorkan bagi melegakan simptom adalah 20mg dua kali sehari selama 6 minggu.

Rawatan untuk orang yang mempunyai radang esophagus termasuk hakisan dan ulser dan simptom yang disebabkan oleh GERD adalah 20 hingga 40mg dua kali sehari selama 12 minggu.

*Pathological Hypersecretory Condition* (contoh *Zollinger-Ellison syndrome, Multiple Endocrine Adenomas*): Dos yang disyorkan adalah 20mg hingga 40 mg setiap 6 jam, boleh ditingkatkan mengikut keperluan.

Dos-dos perlu diselaraskan mengikut keperluan individu. Sesetengah orang telah dikekalkan pada 800mg setiap hari.

Masalah buah pinggang : Pelarasan dos diperlukan untuk orang yang mempunyai masalah buah pinggang. Oleh sebab kesan sampingan telah dilaporkan pada orang yang mempunyai masalah buah pinggang untuk mengurangkan ubat berlebihan dalam badan, dos famotidine boleh dikurangkan kepada separuh daripada dos yang disyorkan atau selang dos boleh dipanjangkan kepada 36 hingga 48 jam bergantung kepada respons individu.

### - Bila perlu digunakan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah penting untuk mengambil Sunpepcin tablet mengikut preskripsi doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda untuk menggantikan dos yang terlupa. Ambil dos seterusnya seperti biasa pada masa yang ditetapkan.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terambil terlalu banyak ubat secara tidak sengaja, hubungi doktor anda atau dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

## Semasa menggunakan Sunpepcin Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Sunpepcin Tablet mengikut arahan doktor.

### - Perkara yang tidak dilakukan

Jangan berkongsi ubat-ubatan anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan.

**Kesan-kesan Sampingan**

Kesan sampingan Famotidine seperti sakit kepala, pening, sembelit dan cirit-birit jarang dilaporkan

Kesan sampingan lain yang jarang dilaporkan termasuk:

Gastrosus: Loya, penyakit kuning keabnormalan enzim hati, muntah, ketidakselesaan dalam perut, gangguan makan, mulut kering.

Hematologi : Sel-sel darah putih, merah dan platelet rendah

Kardiovaskular : Debaran jantung tidak sekata

Hipersensitif : Reaksi alahan yang teruk, bengkak pada kulit, mata atau muka serta geligata.

*Musculoskeletal*: Sakit otot, sendi atau tulang.

Sistem saraf: Sawan, halusinasi, kekeliruan, keresahan, kemurungan, kebimbangan, penurunan nafsu semasa seks, sensasi yang tidak normal seperti kebas, mencucuk, mengantuk.

Sistem Pernafasan: Pengecutan pada saluran udara masuk ke dalam paru-paru.

Kulit: Keguguran rambut, jerawat, kegatalan, kulit kering, memerah, alahan kulit teruk yang jarang berlaku seperti melepuh dan kulit mengelupas yang boleh mengancam nyawa (*toxic epidermal necrosis*).

Pelbagai: Demam, lemah dan keletihan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03 78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers→ Reporting )

**Cara Penyimpanan dan Pelupusan Sunpepcin Tablet****- Penyimpanan**

Simpan pada suhu 25°C.

**- Pelupusan**

Ubat yang tidak diperlukan tidak boleh dilupuskan melalui sisa air atau buangan isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

**Maklumat Lanjut****- Rupa dan Warna Produk**

- MAL20002517A

Tablet bujur berwarna putih kekuningan yang bersalut filem dengan skor tunggal pada satu belah sahaja.

- MAL20002518A

Tablet bujur berwarna perang yang bersalut filem dengan skor tunggal pada satu belah sahaja.

**- Bahan-bahan Kandungan**

- Bahan aktif

- Famotidine

- Bahan tidak aktif

- Microcrystalline Cellulose
- Sodium Starch Glycolate
- Pregelatinized Starch
- Hydroxypropyl Methylcellulose
- Deionised Water
- Cellosolve Solvent (M.E)
- Magnesium Stearate
- Titanium Dioxide
- Calcium Carbonate (light)
- Corn Starch
- Talcum
- Cochineal Red Lake
- Lake Green
- Isopropyl Alcohol (IPA)

**- Nombor MAL**

- MAL20002517A- Famotidine (20mg)
- MAL20002518A - Famotidine (40mg)

**Pengilang**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

28/08/2015

**Nombor siri:**

BPFK(R4/1)270815/00286